

SKIM YURAN TUISYEN PENGAJIAN TINGGI YAYASAN MENDAKI

Subsidi yuran tuisyen beri peluang capai kecemerlangan dalam pengajian

SEMASA Cik Mutiara Safari, 25 tahun, memulakan pengajian sarjana muda dalam perakaunan di Institut Teknologi Singapura (SIT), pandemik Covid-19 baru bermula.

Oleh sebab pekerjaan bapa Cik Mutiara bersangkut paut dengan industri pelancongan, pendapatan bapanya itu terjejas apabila tidak dapat bekerja selama beberapa bulan akibat tempoh Pemutus Litar.

Ekoran itu, bapanya tidak berupaya membiayai yuran tuisyen pengajian universiti Cik Mutiara.

Mujur, dengan skim Subsidi Yuran Tuisyen Pengajian Tinggi (TTFS) yang ditawarkan Yayasan Mendaki, Cik Mutiara menerima subsidi 100 peratus dan ia telah membantu meringankan sedikit beban kewangan bagi pengajiannya, menurut anak sulung tiga beradik itu.

“Ketika saya sedang belajar di SIT, ibu saya seorang sahaja yang bekerja dan adik-adik saya masih bersekolah.

“Maka, apabila saya mencari dermasiswa atau biasiswa untuk membantu pembayaran yuran tuisyen saya, saya membuat permohonan dengan Yayasan Mendaki atas saranan ibu saya yang pernah mengajar secara sukarela untuk Skim Tuisyen Mendaki selama beberapa tahun.

“Jadi, bantuan kewangan itu membantu saya lebih fokus dalam pembelajaran kerana saya tidak perlu memikirkan tentang masalah kewangan atau mencari pekerjaan sambil untuk menampung yuran tuisyen universiti. Tambahan lagi, saya juga menerima dermasiswa daripada universiti untuk perbelanjaan harian,” kata Cik Mutiara yang tamat pengajian sarjana muda dalam perakaunan (kepujian dengan merit) di SIT pada 2022.

Dalam kesibukan beliau belajar,



CAPAI KECEMERLANGAN: Broker bersekutu pengurusan, Cik Mutiara Safari, yang telah menerima skim Subsidi Yuran Tuisyen Pengajian Tinggi (TTFS), menerima ijazah sarjana muda dalam perakaunan (kepujian dengan merit) daripada Institut Teknologi Singapura (SIT) pada 2022. – Foto ihsan MUTIARA SAFARI

jar, Cik Mutiara mampu meluangkan masa dengan berbakti kepada masyarakat dengan menyertai projek sosial SIT dan menjadi sukarelawan di beberapa acara pengumpulan dana.

“Akibat pandemik Covid-19, kami tidak dapat mengembara ke Kemboja untuk menolong dan melakukan kerja-kerja kemasyarakatan secara fizikal di sana. Sebagai pilihan, kami cuba mengumpul dana dengan menjual barangan dan menyalurkan dana yang terkumpul kepada golongan memerlukan di Kemboja. Kami juga menderma buku-buku, alat tulis

dan pakaian kepada warga di sana,” kata Cik Mutiara.

Beliau kini bertugas sebagai broker bersekutu pengurusan di sebuah syarikat insurans dan pengurusan risiko global.

Sebelum ini, Cik Mutiara mempunyai kelulusan diploma dalam kewangan dan perakaunan daripada Politeknik Nanyang pada 2017 dan kemudian bertugas sepenuh masa sebagai eksekutif audit di Ernst & Young.

“Saya menerima beberapa tawaran pekerjaan selepas pengajian di SIT. Malahan, sewaktu di universiti, saya harus menjalani

latihan amali di sebuah syarikat global, di mana saya ditawarkan pekerjaan sebelum saya tamat pengajian. Selepas menerima pekerjaan itu, saya mendapat peluang pekerjaan yang lebih baik dari segi pendapatan, peranan dan tanggung jawab,” kata Cik Mutiara yang mementeri mata pelajaran Matematik dan bidang perniagaan.

Sepertimana beliau menerima bantuan daripada Yayasan Mendaki, beliau merancang mahu kembali menyumbang masanya dengan menyertai kegiatan Yayasan Mendaki dan berbakti kepada masyarakat.

“Ketika saya sedang belajar di SIT, ibu saya seorang sahaja yang bekerja dan adik-adik saya masih bersekolah.

Maka, apabila saya mencari dermasiswa atau biasiswa untuk membantu pembayaran yuran tuisyen saya, saya membuat permohonan dengan Yayasan Mendaki atas saranan ibu saya yang pernah mengajar secara sukarela untuk Skim Tuisyen Mendaki selama beberapa tahun.

Jadi, bantuan kewangan itu membantu saya lebih fokus dalam pembelajaran kerana saya tidak perlu memikirkan tentang masalah kewangan atau mencari pekerjaan sambil untuk menampung yuran tuisyen universiti. Tambahan lagi, saya juga menerima dermasiswa daripada universiti untuk perbelanjaan harian.”

– Cik Mutiara Safari.

SKIM SUBSIDI YURAN TUISYEN PENGAJIAN TINGGI (TTFS)

Skim Subsidi Yuran Tuisyen Pengajian Tinggi (TTFS) yang diperkenalkan pada 1991 adalah subsidi pendidikan untuk membantu pelajar Melayu/Islam dalam yuran tuisyen mereka di institusi pengajian tinggi.

Di bawah TTFS ini, pelajar daripada keluarga bergaji per kapita (PCI) kurang \$1,400 menerima 100 peratus subsidi

bagi membiayai yuran pengajian mereka. Mereka daripada keluarga yang PCI-nya antara \$1,401 dengan \$1,700 menerima 75 peratus subsidi dan yang mempunyai PCI antara \$1,701 dengan \$2,000 menerima 50 peratus subsidi.

Layari laman www.mendaki.org.sg untuk mendapatkan maklumat lanjut.